

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTA AMALAN 9

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN, TADBIR URUS KORPORAT DAN KEMAPANAN

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	1 Jun 2001
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009, 29 November 2012, 3 Mei 2016, 31 Disember 2016, 31 Disember 2017
	Perenggan 15.25, 15.26, perenggan 9.45(2) dan perenggan 29, Bahagian A Lampiran 9C

1.0 Pengenalan

1.1 Perenggan 15.25 Kehendak-Kehendak Penyenaraian menyatakan bahawa penerbit tersenarai mesti membuat penzahiran tadbir urus korporat yang berikut:

- (a) gambaran keseluruhan pelaksanaan Prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam MCCG ("**Prinsip**") oleh lembaga pengarahnya untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunannya ("**Pernyataan Gambaran Keseluruhan CG**"); dan
- (b) pelaksanaan setiap Amalan yang dinyatakan dalam MCCG ("**Amalan**") semasa tahun kewangan hendaklah dizahirkan kepada Bursa dalam format yang ditetapkan ("**Laporan CG**") dan mengumumkannya bersekali dengan pengumuman laporan tahunan.

Penerbit tersenarai perlu menyatakan dalam laporan tahunannya, pautan laman sesawang yang ditetapkan atau alamat yang Laporan CG boleh dimuat turun.

1.2 Perenggan 15.26(b) Kehendak-Kehendak Penyenaraian menghendaki penerbit tersenarai untuk memastikan bahawa lembaga pengarahnya membuat pernyataan dalam laporan tahunannya mengenai keadaan pengurusan risiko dan kawalan dalaman penerbit tersenarai sebagai suatu kumpulan ("**Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam**").

1.2A Perenggan 9.45(2) dan perenggan 29, Bahagian A Lampiran 9C Kehendak-Kehendak Penyenaraian memperuntukkan bahawa penerbit tersenarai mesti memasukkan dalam laporan tahunannya, pernyataan naratif tentang pengurusan penerbit tersenarai mengenai risiko dan peluang ekonomi, persekitaran dan sosial yang material ("**Pernyataan Kemapanan**").

1.3 Nota Amalan ini menjelaskan obligasi penerbit tersenarai dalam membuat Pernyataan Gambaran Keseluruhan CG, Laporan CG, Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam dan Pernyataan Kemapanan.

1.4 [Dipotong].

Nota Amalan 9
Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman,
Tadbir Urus Korporat dan Kemapanan

2.0 Prinsip-prinsip am

2.1 [Dipotong]

2.2 [Dipotong]

2.2A Sekiranya suatu hal perkara dikehendaki dizahirkan dalam laporan tahunan menurut Kehendak-Kehendak Penyenaraian yang berhubungan dengan Amalan, penzahiran itu dianggap dibuat sekiranya maklumat itu dizahirkan dalam Laporan CG. Dalam hal ini, penerbit tersenarai tidak perlu mengulangi penzahiran itu dalam laporan tahunan.

2.3 Penerbit tersenarai mesti memastikan bahawa Pernyataan Gambaran Keseluruhan CG, Laporan CG dan Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman diluluskan oleh lembaga pengarah penerbit tersenarai.

BAHAGIAN I – PENZAHIRAN TADBIR URUS KORPORAT**3.0 Kandungan penzahiran tadbir urus korporat**Am

3.1 [Dipotong]

Pernyataan Gambaran Keseluruhan CG

3.1A Dalam membuat Pernyataan Gambaran Keseluruhan CG, penerbit tersenarai mesti memberikan ringkasan mengenai amalan tadbir urus korporatnya semasa tahun kewangan dengan merujuk kepada 3 Prinsip, iaitu -

- (a) kepimpinan dan keberkesanan lembaga;
- (b) audit dan pengurusan risiko yang berkesan; dan
- (c) integriti dalam pelaporan korporat dan hubungan yang bermakna dengan pihak berkepentingan.

3.1B Penerbit tersenarai mesti menonjolkan bidang fokus utamanya dan keutamaan masa depan berhubung dengan amalan tadbir urus korporatnya melalui Pernyataan Gambaran Keseluruhan CG.

Laporan CG

3.2 Penerbit tersenarai mesti membuat penzahiran khusus mengenai pelaksanaan setiap Amalan dalam Laporan CG. Penerbit tersenarai mesti memastikan bahawa Laporan CG membuat penzahiran yang adil dan bermakna mengenai amalan tadbir urus korporat syarikat.

3.2A Pada menzahirkan pelaksanaan setiap Amalan dalam Laporan CG, penerbit tersenarai mesti memberikan penjelasan yang bermakna mengenai bagaimana ia melaksanakan Amalan itu. Sekiranya penerbit tersenarai telah meninggalkan suatu Amalan, ia mesti -

- (a) memberikan penjelasan bagi ketinggalan itu; dan
- (b) menzahirkan amalan alternatif yang telah diterima pakai olehnya dan bagaimana amalan alternatif itu mencapai Natijah Terhasrat sebagaimana yang dinyatakan dalam MCCG ("**Natijah Terhasrat**").

Nota Amalan 9
Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam,
Tadbir Urus Korporat dan Kemapanan

- 3.2B Pada menjelaskan ketinggalan sesuatu Amalan sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 3.2A(a) di atas, penerbit tersenarai tidak boleh semata-mata menyatakan bahawa ia telah mematuhi kehendak-kehendak di bawah Kehendak-Kehendak Penyenaraian sebagai alasan ketinggalan itu. Penerbit tersenarai masih mesti memberikan penjelasan bagi ketinggalan itu dan menzahirkan amalan alternatif dan bagaimana amalan alternatif itu mencapai Natijah Terhasrat sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 3.2A(b) di atas.
- 3.2C Sebagai tambahan kepada maklumat dalam perenggan 3.2A di atas, penerbit tersenarai yang ditakrifkan sebagai Syarikat Besar di bawah MCCG ("**Syarikat Besar**") juga mesti menzahirkan yang berikut sekiranya ia meninggalkan sesuatu Amalan:
- (a) tindakan yang telah diambil atau hendak diambil; dan
 - (b) rangka masa yang dikehendaki,
- untuk mencapai pelaksanaan Amalan itu.
- 3.3 Pada membuat penzahiran dalam Laporan CG, penerbit tersenarai mesti mempertimbangkan dengan teliti dan benar-benar berpandukan Panduan yang dinyatakan dalam MCCG ("**Panduan**").
- 3.4 Penerbit tersenarai juga mesti memastikan bahawa Laporan CG merangkumi amalan bagi keseluruhan tahun kewangan. Sekiranya suatu amalan telah dilaksanakan hanya bagi sebahagian tahun kewangan, penerbit tersenarai mesti menyatakan sedemikian dan tempoh ia dilaksanakan.
- 3.5 [Dipotong]
- 3.6 [Dipotong]
- Pertimbangan tambahan
- 3.7 Pada membuat Pernyataan Gambaran Keseluruhan CG dan Laporan CG, penerbit tersenarai juga mesti mempertimbangkan yang berikut:
- (a) Pastikan bahawa Pernyataan Gambaran Keseluruhan CG dan Laporan CG -
 - (i) mengandungi maklumat yang mencukupi untuk membolehkan penilaian yang tepat oleh pemegang syer dan pelabur berpotensi tentang amalan tadbir urus korporatnya; dan
 - (ii) sejajar dengan semangat dan Natijah Terhasrat MCCG.Bagi maksud ini, penerbit tersenarai perlu merujuk kepada Panduan Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan oleh Bursa.
 - (b) Pastikan bahawa mesej utama mengenai tadbir urus dinyatakan dengan jelas dan elakkan pernyataan pematuhan dengan cara penandaan kotak atau plat dandang. Penerbit tersenarai mesti mengelak daripada mengambil pendekatan mekanikal atau bersifat keundangan dalam membuat penzahiran dalam Pernyataan Gambaran Keseluruhan CG dan Laporan CG. Sebagai contoh, penerbit tersenarai tidak boleh hanya memberikan pernyataan kosong bahawa –
 - (i) ia telah menerima pakai Amalan tanpa huraian lanjut mengenai bagaimana Amalan itu telah dilaksanakan semasa tahun kewangan; atau

Nota Amalan 9
Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam,
Tadbir Urus Korporat dan Kemapanan

- (ii) Natijah Terhasrat telah dicapai melalui penerimaan pakai amalan alternatif dengan mengulangi fakta tanpa menjelaskan bagaimana amalan alternatif itu memenuhi Natijah Terhasrat.
- (c) Laporkan bagaimana Amalan itu telah dilaksanakan, dengan mengambil kira hal keadaan tertentu dan perniagaan penerbit tersenarai. Penerbit tersenarai mesti mengelakkan -
 - (i) daripada melaporkan mengikut bentuk melebihi isi kandungan; atau
 - (ii) pernyataan yang samar-samar atau umum tanpa kaitan sebenar dengan keadaan penerbit tersenarai.
- (d) Sediakan laporan yang seimbang dengan memperihalkan isu-isu utama dan insidens kegagalan, dan jelaskan bagaimana isu-isu itu dikendalikan, tindakan yang diambil untuk memperbaiki kegagalan itu dan pengajaran yang dipelajari.
- (e) Pastikan bahawa maklumat itu mudah difahami. Ini dapat dicapai dengan menggunakan bahasa harian yang mudah, biasa dan mengelakkan istilah yang bersifat keundangan atau teknikal.
- (f) Gunakan laman sesawang penerbit tersenarai untuk menambahkan pelaporan tadbir urus dengan mendalam dan sentiasa kemas kini pemegang syer sepanjang tahun. Elakkan daripada menyemakkan Pernyataan Gambaran Keseluruhan CG dan Laporan CG dengan maklumat statik seperti dasar, piagam dan kod yang tidak berubah, atau penulisan panjang berbelit-belit, supaya maklumat dan mesej utama tidak hilang dalam jumlah data yang dikemukakan. Jika boleh, terbitkan maklumat statik itu di laman sesawang penerbit tersenarai.

BAHAGIAN II – PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

4.0 Kandungan Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

- 4.1 Dalam membuat Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam, penerbit tersenarai dikehendaki untuk menumpukan kepada Bahagian II Prinsip B, Natijah Terhasrat 9.0, Amalan 9.1 dan 9.2 dibaca bersama dengan Panduan 9.1 dan 9.2 sebagaimana yang dinyatakan dalam MCCG yang berhubungan dengan pengurusan risiko dan kerangka kawalan dalam.
- 4.2 Penerbit tersenarai juga perlu berpandukan **Pernyataan tentang Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam: Garis Panduan untuk Pengarah Penerbit Tersenarai** yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas bagi Kawalan Dalam dengan sokongan dan pengesahan daripada Bursa.
- 4.3 Penerbit tersenarai mesti memastikan bahawa Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam mengandungi maklumat yang mencukupi untuk membolehkan penilaian yang tepat mengenai keadaan kawalan dalamannya.

5.0 [Dipotong]

BAHAGIAN III – PERNYATAAN KEMAPANAN**6.0 Kandungan Pernyataan Kemapanan**

- 6.1 Semua penerbit tersenarai perlu memastikan bahawa Pernyataan Kemapanan mengandungi maklumat yang seimbang, setanding dan bermakna dengan merujuk kepada Panduan Pelaporan Kemapanan yang dikeluarkan oleh Bursa. Dalam mengenal pasti risiko dan peluang ekonomi, persekitaran dan sosial yang material, penerbit tersenarai perlu mempertimbangkan tema yang dinyatakan dalam Panduan Pelaporan Kemapanan.
- 6.2 Dalam membuat Pernyataan Kemapanan, penerbit tersenarai mesti memasukkan penzahiran mengenai perkara yang berikut:
- (a) struktur tadbir urus yang ada untuk mengurus risiko dan peluang ekonomi, persekitaran dan sosial ("**perkara kemapanan**");
 - (b) ruang lingkup Pernyataan Kemapanan dan asas bagi ruang lingkup itu;
 - (c) perkara kemapanan material dan --
 - (i) bagaimana ia dikenal pasti;
 - (ii) mengapa ia penting bagi penerbit tersenarai; dan
 - (iii) bagaimana ia diuruskan termasuk perincian mengenai -
 - (aa) dasar untuk mengurus perkara-perkara kemapanan ini;
 - (bb) langkah atau tindakan yang diambil untuk menguruskan perkara-perkara kemapanan ini; dan
 - (cc) petunjuk yang berkaitan dengan perkara-perkara kemapanan ini yang menunjukkan bagaimana prestasi penerbit tersenarai dalam menguruskan perkara-perkara kemapanan ini.
- 6.3 Bagi maksud perenggan 6.2(c) di atas, perkara-perkara kemapanan dianggap material jika ia:
- (a) menggambarkan kesan ekonomi, persekitaran dan sosial penerbit tersenarai yang signifikan; atau
 - (b) mempengaruhi secara substantif penilaian dan keputusan pihak berkepentingan.
- 6.4 Penerbit tersenarai tidak dikehendaki mematuhi perenggan 6.1 hingga 6.3 di atas sekiranya penerbit tersenarai menyediakan Pernyataan Kemapanannya mengikut Garis Panduan Pelaporan Kemapanan GRI.

Nota:

1. Penerbit tersenarai mesti memastikan bahawa laporan tahunannya mengandungi Pernyataan Kemapanan seperti yang berikut:
 - (a) Berhubung dengan penerbit tersenarai dengan permodalan pasaran (tidak termasuk syer perbendaharaan) sebanyak RM2 bilion dan ke atas setakat 31 Disember 2015, atau pada tarikh penerimaan masuknya ke dalam Senarai Rasmi pada 2016, laporan tahunan yang dikeluarkan bagi tahun kewangan berakhir pada atau selepas 31 Disember 2016.
 - (b) Berhubung dengan semua penerbit tersenarai lain, bagi laporan tahunan yang dikeluarkan bagi tahun kewangan berakhir pada atau selepas 31 Disember 2017.
2. Penerbit tersenarai mesti mematuhi perenggan 6.2 dan 6.3 Nota Amalan 9 mengikut cara yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Nota Amalan 9
Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam,
Tadbir Urus Korporat dan Kemapanan

<i>Penerbit tersenarai</i>	<i>Tarikh kuat kuasa perenggan 6.2 dan 6.3 Nota Amalan 9</i>
<p>(a) <i>Penerbit tersenarai dengan permodalan pasaran (tidak termasuk syer perbendaharaan) sebanyak RM2 bilion dan ke atas setakat –</i></p> <p style="margin-left: 40px;">(i) <i>31 Disember 2015 atau 31 Disember mana-mana tahun kalendar yang berikutnya; atau</i></p> <p style="margin-left: 40px;">(ii) <i>tarikh penerimaan masuknya ke dalam Senarai Rasmi selepas 31 Disember 2015.</i></p>	<p><i>Laporan tahunan yang dikeluarkan bagi tahun kewangan berakhir pada atau selepas 31 Disember 2016</i></p>
<p>(b) <i>Penerbit tersenarai dengan permodalan pasaran (tidak termasuk syer perbendaharaan) sebanyak RM1 bilion dan ke atas, tetapi kurang daripada RM2 bilion setakat –</i></p> <p style="margin-left: 40px;">(i) <i>31 Disember 2015 atau 31 Disember mana-mana tahun kalendar yang berikutnya; atau</i></p> <p style="margin-left: 40px;">(ii) <i>tarikh penerimaan masuknya ke dalam Senarai Rasmi selepas 31 Disember 2015.</i></p>	<p><i>Laporan tahunan yang dikeluarkan bagi tahun kewangan berakhir pada atau selepas 31 Disember 2017</i></p>
<p>(c) <i>Penerbit tersenarai selain yang dinyatakan di atas dalam butiran (a) dan (b) di atas.</i></p>	<p><i>Laporan tahunan yang dikeluarkan bagi tahun kewangan berakhir pada atau selepas 31 Disember 2018</i></p>

3. *Penerbit tersenarai yang termasuk dalam butiran 2(a) atau 2(b) di atas mesti mematuhi perenggan 6.2 dan 6.3 Nota Amalan 9 walaupun permodalan pasarnya (tidak termasuk syer perbendaharaan) kemudiannya berkurangan di bawah nilai ambang yang ditetapkan.*
4. *Penerbit tersenarai sangat digalakkan untuk membuat Pernyataan Kemapanan dalam laporan tahunannya, dan menguatkuasakan perenggan 6.1, 6.2 dan 6.3 Nota Amalan 9 lebih awal, setakat yang mungkin, sebelum tarikh kuat kuasa yang berkenaan.*
5. *Bagi mengelakkan keraguan, penerbit tersenarai yang disebut dalam butiran 1(b) di atas mesti terus memberi perihalan mengenai aktiviti atau amalan tanggungjawab sosial korporatnya dan subsidiarinya atau jika tiada, suatu pernyataan yang bermaksud sedemikian, dalam laporan tahunannya yang dikeluarkan bagi tahun kewangan berakhir pada atau selepas 31 Disember 2016, melainkan jika ia telah membuat Pernyataan Kemapanan dalam laporan tahunannya.*